

**UCAPAN PERASMIAN**

**ENCIK HAMZAH BIN MOHAMAD  
PENGARAH  
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**SEMINAR PEMATUHAN PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM  
SEKELILING (BUANGAN TERJADUAL) 2005  
DAN BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI BUMI TAHUN 2020**

**26 FEBRUARI 2020 (RABU)  
HOTEL PROMENADE, BINTULU**

---

**Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,  
Assalamualaikum WBT, Selamat Pagi, Salam Sejahtera,  
Yang Berusaha Encik Ahmad Saifful bin Salihin  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak  
Yang Berusaha Encik Mohamad Zaihan bin Haji Lek  
Ketua Penolong Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak  
Encik Abdul Mazli Hafiz Bin Abdul Malik  
Ketua Cawangan  
Jabatan Alam Sekitar Cawangan Bintulu,  
Pegawai-pegawai JAS Negeri Sarawak dan JAS Cawangan Bintulu,  
Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,  
Assalamualaikum WBT, Salam Hormat dan Salam Sejahtera.**

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak pengajur, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak Cawangan Bintulu kerana sudi menjemput saya untuk

hadir dan merasmikan Seminar Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 bagi tahun 2020 ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada tuan/puan dan hadirin sekalian kerana sudi melapangkan masa untuk menghadiri seminar pada pagi ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian menunjukkan sokongan, semangat dan komitmen dalam isu penjagaan alam sekitar yang berterusan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada para peserta yang terdiri daripada wakil premis industri khususnya di Bahagian Bintulu yang telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam perkara pengurusan alam sekitar. Harapan saya agar maklumat dan pengetahuan yang diperolehi melalui seminar ini memberi manfaat kepada tuan/puan dan akan dikongsi dengan semua rakan pekerja di premis masing-masing dalam usaha untuk mematuhi kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Peraturan-Peraturan di bawahnya selain polisi semasa Jabatan yang berkaitan.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,**

Permasalahan alam sekitar memerlukan komitmen yang tinggi daripada pelbagai pihak. Usaha menangani masalah alam sekitar tidak harusnya menjadi tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi ianya perlu didokong bersama oleh semua anggota masyarakat. Setiap daripada kita perlu peka dengan permasalahan alam sekitar bagi memastikan kita sentiasa berada di dalam persekitaran yang bersih dan sihat.

Oleh itu, peruntukan undang-undang, peraturan dan standard pelepasan telah digubal dan dikemaskini dari semasa ke semasa oleh Jabatan Alam Sekitar dalam memastikan alam sekitar terpelihara dan proses pembangunan negara berjalan secara mampan (*sustainable*). Untuk makluman, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 juga telah disemak semula oleh Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat, Putrajaya dengan

mengambil kira keperluan perundangan alam sekitar terkini dan dalam peringkat selanjutnya untuk digazetkan menjadi Akta Perlindungan Alam Sekitar 20XX. Walaubagaimanapun, pematuhan industri terhadap peraturan dan standard ditetapkan didapati masih bergantung kepada pemeriksaan dan penguatkuasaan pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar. Ini menunjukkan tahap kesedaran industri terhadap undang-undang, peraturan dan standard masih kurang memuaskan dan ada ruang yang perlu dipertingkatkan.

Sehubungan dengan itu, JAS telah mengambil pendekatan melalui penggubalan undang-undang dan peraturan yang menjurus kepada pematuhan kendiri (*self-compliance*) seperti mana yang telah diamalkan di negara-negara maju. Selain daripada itu, JAS juga menggalakkan pihak industri untuk mengambil inisiatif mengurangkan buangan yang dijana dengan mengamalkan konsep *industrial ecology* di bawah pengurusan khas buangan terjadual. Untuk makluman semua, kawasan *Samalaju Industrial Park (SIP)* di Bintulu merupakan kawasan perindustrian yang telah diangkat menjadi contoh dalam pengurusan khas buangan terjadual di Malaysia dan diharap konsep guna semula buangan terjadual ini dapat diperkembangkan lagi ke sektor industri yang lain.

Walaubagaimanapun, adalah diingatkan bahawa tindakan penguatkuasaan yang *deterrent* masih tetap diteruskan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi sebarang ketidakpatuhan termasuklah tindakan kompaun, penahanan kelengkapan operasi, gantung lesen dan tindakan mahkamah.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,**

Selain daripada itu, Jabatan Alam Sekitar telah membangunkan sistem atas talian *Environmental Mainstreaming Tools System (EMAINS)* bertujuan untuk memudahkan pihak kilang mengemaskini dan

mengemukakan dokumen EMT kepada Jabatan. Dokumen EMT yang dikemukakan melalui sistem ini akan diterima dan diverifikasi oleh pegawai-pegawai Jabatan ini juga secara atas talian. Sistem EMAINS ini juga dibangunkan bertujuan untuk mewujudkan rekod dokumen EMT oleh pihak industri dan sekaligus memastikan pematuhan berterusan terhadap pematuhan kendiri (*self-compliance*).

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,**

Justeru, bagi merealisasikan usaha menjaga alam sekitar secara mampan, Jabatan Alam Sekitar Cawangan Bintulu telah mengambil inisiatif melalui pengajuran program seminar ini sebagai salah satu langkah serta pendekatan kepada pihak industri di sekitar kawasan Bintulu untuk memahami dengan lebih jelas Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 khususnya Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Diharap melalui pendekatan ini, pihak industri dapat meningkatkan pematuhan kendiri masing-masing dalam memastikan aspek operasi industri tidak menjejaskan alam sekitar dan saya berharap lebih ramai lagi pekerja yang dilatih untuk menjadi *competent person* di dalam pengurusan alam sekitar terutamanya dalam pengurusan buangan terjadual, alat kawalan pencemaran udara dan *industrial effluent treatment system*.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat terutamanya kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Cawangan Bintulu dalam menjayakan pengajuran program hari ini dan berharap ianya dapat diteruskan untuk masa akan datang. Semoga melalui program sebegini, pematuhan di kalangan industri dapat ditingkatkan dalam usaha kita memelihara dan memulihara alam sekitar. Sokongan dan kerjasama

semua pihak adalah penting bagi menjamin keselamatan, kesihatan dan persekitaran ini terus berkekalan demi kesejahteraan dan pembangunan di kawasan Bintulu.

Dengan lafaz Bismillahirahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 bagi tahun 2020 hari ini.

Sekian, syabas sekali lagi kepada tuan/puan yang hadir dan terima kasih.